

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

15. Nyatakan status terkini tentang projek naik taraf Jalan Permatang Tinggi, Laluan Persekutuan 1, untuk menangani kesesakan lalulintas serta pertingkatkan keselamatan pengguna jalan raya.
  - (a) Senaraikan projek-projek pembangunan yang sedang dan akan dijalankan di sepanjang laluan mengikut lokasi dan bilangan unit bangunan.
  - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan keselamatan lalu lintas dapat dijamin?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Cadangan menaik taraf jalan 2 lorong kepada Jalan Berkembar 4 Lorong dari Permatang Tinggi ke Sungai Juru, Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah telah disenaraikan dalam *Rolling Plan* (RP) ke-4 - Rancangan Malaysia Ke-11. Permohonan pelaksanaan cadangan ini telah diangkat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang kepada Kementerian Kerja Raya dan lawatan tapak juga telah diadakan oleh Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia. Walau bagaimanapun cadangan projek ini tidak diluluskan dan akan dimohon semula dalam RP ke-5.

Perincian projek pembangunan oleh pemaju yang sedang dan akan dijalankan di sepanjang Jalan Permatang Tinggi mengikut lokasi dan bilangan bangunan adalah seperti di **Lampiran A**.

Dalam usaha mengatasi masalah kesesakan lalu lintas, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) akan memastikan infrastruktur jalan raya sentiasa dalam keadaan yang baik, di mana pemantauan ke atas kualiti permukaan jalan raya, perabot-perabot dan longkang tepi jalan sentiasa dijalankan melalui rondaan rutin oleh JKR. Tindakan penyelenggaraan jalan selanjutnya dilaksanakan berdasarkan hasil pemantauan berkenaan. Di samping itu, bagi jalan-jalan perbandaran, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil usaha seperti berikut bagi memastikan keselamatan lalu lintas :

Penetapan syarat pengemukaan Laporan Kajian Impak Lalu Lintas / *Traffic Impact Assessment* (TIA) bagi pembangunan yang melebih 200 unit kediaman untuk pembangunan perumahan dan 45,000 kaki persegi (luas lantai) untuk pembangunan komersial. Hasil daripada laporan tersebut, sekiranya terdapat isu kesesakan / keselamatan lalu lintas yang memerlukan penambahbaikan, maka pihak PBT / JKR akan mensyaratkan pemaju untuk menambah baik reka bentuk jalan seperti mana yang telah dicadangkan dalam laporan TIA;

Penetapan syarat pengemukaan Laporan Audit Keselamatan Jalan Raya / *Road Safety Audit* (RSA). Hasil daripada laporan tersebut, sekiranya terdapat isu keselamatan jalan raya yang memerlukan penambahbaikan, maka pihak PBT / JKR akan mensyaratkan pemaju untuk menambah baik reka bentuk jalan seperti mana yang telah dicadangkan dalam laporan RSA; dan

- (iii) Membincangkan isu-isu keselamatan lalu lintas dalam Jawatankuasa Majlis Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang bagi mengenal pasti lokasi yang memerlukan tindakan untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya.